



SOALAN LAZIM (FAQ'S)
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
BERMULA 1 Jun 2021 HINGGA 14 Jun 2021
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
SEKTOR PENGURUSAN STRATA

MAKLUMAT AM

- 1. Adakah Mesyuarat Agung (AGM/EGM) yang dirancang boleh dilaksanakan di sesebuah skim strata sepanjang tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?**

Mesyuarat Agung secara bersemuka adalah **tidak dibenarkan**. Mesyuarat AGM/EGM boleh dilaksanakan secara *online* sahaja mengikut tatacara mesyuarat secara *online* yang dikeluarkan oleh MKN.

- 2. Adakah mesyuarat jawatankuasa pengurusan secara fizikal boleh dilaksanakan di sesebuah skim strata sepanjang tempoh kuatkuasa PKP?**

Mesyuarat jawatankuasa pengurusan secara bersemuka adalah **tidak dibenarkan**. Walau bagaimanapun, adalah digalakkan supaya mesyuarat jawatankuasa pengurusan diadakan secara atas talian (*online*).

- 3. Adakah komuniti strata boleh bergerak dalam kawasan skim strata semasa tempoh PKP?**

Komuniti boleh bergerak di dalam skim strata untuk urusan penting seperti kesihatan, mendapatkan bekalan makanan dan kebersihan. Walau bagaimanapun, pergerakan perlu dihadkan atau dikurangkan di dalam skim strata dengan mengamalkan *physical distancing* dan tertakluk kepada sebarang arahan terkini MKN.

- 4. Adakah premis perniagaan di skim strata boleh dibuka dan beroperasi seperti biasa semasa tempoh kuatkuasa PKP?**

Hanya premis perniagaan dengan aktiviti yang dibenarkan sahaja boleh dibuka di skim strata. Premis yang menjalankan aktiviti yang tidak dibenarkan oleh MKN hendaklah ditutup.

- 5. Adakah Pemaju/JMB/MC/Ejen Pengurusan/ *Property Manager* yang menguruskan skim strata dibenarkan beroperasi dengan kapasiti pekerja maksima dan pejabat pengurusan dibuka kepada orang ramai dalam tempoh PKP?**

Pejabat pengurusan boleh beroperasi secara minima bagi perkhidmatan penting (*essential services*) dalam *mode* perkhidmatan bersesuaian (transaksi secara *online* adalah digalakkan). Walau bagaimanapun, pejabat pengurusan hendaklah ditutup kepada orang awam.

Kapasiti pengurusan dan penyenggaraan skim strata melibatkan pengurusan pejabat dan pekerja operasi adalah maksima 60% dan tertakluk kepada arahan terkini MKN. Walau bagaimanapun, bilangan kakitangan yang dibenarkan berada di pejabat pengurusan adalah maksima 3 orang sahaja tertakluk kepada penjarakan fizikal di dalam pejabat pengurusan.

- 6. Adakah harta bersama seperti dewan, bilik mesyuarat, *BBQ pit* dan lain-lain boleh digunakan dalam tempoh PKP?**

Tidak dibenarkan.

- 7. Adakah pengubahsuaian rumah (*renovation*) di skim strata dibenarkan dalam tempoh ini?**

Tidak dibenarkan.

- 8. Adakah terdapat masa yang ditetapkan kepada kontraktor/*vendor*/pekerja bagi melaksanakan kerja penyenggaraan/pembaikan?**

Kontraktor/*vendor*/pekerja hendaklah melaksanakan kerja penyenggaraan/pembaikan mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh pihak pengurusan.

- 9. Adakah penyenggaraan dan pembaikan harta bersama di sesebuah skim strata seperti pembekalan air, elektrik, keselamatan, pembersihan, penyelenggaraan lif, sistem pam, talian *internet* dibenarkan?**

Dibenarkan pembaikan kritikal bagi bekalan dan pemasangan sedia ada sahaja.

- 10. Adakah pembaikan boleh dilaksanakan sekiranya berlaku kerosakan di unit/petak seperti kebocoran paip, masalah pendawaian elektrik, kerosakan penghawa dingin dan masalah talian telekomunikasi?**

Ya. Tindakan boleh diambil bagi membaiki kerosakan yang dialami.

11. Adakah pelawat (*visitor*) dibenarkan masuk skim strata kediaman seperti kondominium/apartment?

Tidak dibenarkan. Pelawat hanya boleh memasuki skim strata sekiranya mempunyai urusan khusus yang dibenarkan oleh pihak pengurusan sahaja seperti berikut:-

- (a) Penghuni adalah warga emas yang tinggal bersendirian dan memerlukan pemantauan. Hanya anak-anak atau adik-beradik terdekat kepada penghuni atau penjaga dibenarkan melawat jika perlu;
- (b) Penghuni adalah pesakit (**bukan pesakit Covid-19 atau mana mana penyakit lain yang memerlukan notifikasi di bawah Seksyen 10 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988**) atau individu yang lemah yang memerlukan pemantauan tetap. Hanya anak-anak atau adik-beradik terdekat kepada penghuni atau penjaga dibenarkan melawat jika perlu;
- (c) Penghuni yang memerlukan intervensi perubatan segera. Hanya anak-anak atau adik-beradik kepada penghuni atau penyedia perubatan dibenarkan untuk melawat jika perlu;
- (d) Kes kematian yang berlaku dalam unit penghuni yang **tidak melibatkan wabak Covid-19 atau mana mana penyakit lain yang memerlukan notifikasi di bawah Seksyen 10 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988**. Hanya anak-anak atau adik-beradik terdekat atau penjaga sahaja dibenarkan melawat jika perlu; dan
- (e) Pemberian barangan keperluan asas bagi kelangsungan penghuni/penduduk yang memerlukan bantuan daripada mana-mana individu, keluarga atau organisasi dengan syarat perlu dimaklumkan dan mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pemaju, badan pengurusan JMB/MC atau pengurus harta.

12. Bagaimana pula dengan pos, *courier* dan pekerja penghantaran (*FoodPanda, Grabfood* dan sebagainya)?

Pekerja pos, *courier* dan pekerja penghantaran (*FoodPanda, Grabfood* dan sebagainya) adalah dibenarkan selepas lulus saringan imbasan suhu badan untuk menghantar barangan di tempat yang ditetapkan oleh pihak pengurusan. Pihak pengurusan boleh menggunakan budibicara untuk membenarkan pekerja penghantaran untuk menghantar barangan/makanan secara terus ke unit yang terlibat.

13. Bolehkah penduduk melakukan sebarang aktiviti sukan dan rekreasi di kawasan skim strata?

Tertakluk kepada sebarang arahan terkini MKN dan SOP Sukan dan Rekreasi yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

14. Bolehkah urusan pindah masuk atau keluar dibenarkan?

Tidak dibenarkan.

15. Adakah perkhidmatan seperti *part-time maid*, pemasangan baharu *internet/satellite television*, *house viewing* dan servis penapis air dibenarkan di skim strata?

Tidak dibenarkan.

16. Bagaimanakah JMB/MC/Pengurus Harta memohon kebenaran untuk beroperasi bagi sektor pengurusan strata sepanjang tempoh PKP?

Permohonan untuk kebenaran beroperasi oleh pihak JMB/MC/Pengurus Harta hendaklah dimohon melalui system **COVID-19 Intelligent Management System (CIMS 3.0)** yang diselenggarakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui sesawang <https://notification.miti.gov.my/login>.

Dikemaskini pada **03.06.2021**